

24 pelajar, enam petugas UMS peraga pakaian tradisi pelbagai kaum

# Fesyen di puncak Gunung Kinabalu

UM 12.12.2012 26.

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN  
utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 11 Dis. - Seramai 24 pelajar dan enam petugas Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperagakan 20 jenis pakaian tradisi pelbagai suku kaum negara ini di puncak Gunung Kinabalu baru-baru ini.

Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian UMS, Alan James berkata, acara tersebut di-anjurkan oleh Bahagian Kebudayaan dan Kesenian Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS dan dikendalikan oleh Kelab UMS Cul'Art.

"Antara pakaian tradisional yang diperagakan ialah pakaian tradisi suku kaum Kadazan, Dusun, Murut, Bajau, Suluk, Melayu, Brunei, Cina, India dan lain-lain lagi," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Alan, program yang bertemakan *Ketahui Asal Usul Anda* itu bertujuan menyampaikan mesej ke-



SERAMAI 24 pelajar dan enam petugas Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya memperagakan 20 jenis pakaian tradisi pelbagai suku kaum di puncak Gunung Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

pada masyarakat untuk mengenali dan menyemai rasa cinta terhadap pakaian tradisi suku kaum masing-masing.

Katanya, dalam melaksanakan program itu pihaknya turut menerangkan kepada konsep 1Malaysia bagi memberi kesedaran kepada

mahasiswa mengenai perpaduan yang utuh di sebalik kepelbagaian kaum yang ada di negara ini.

"Pemakaian beraneka jenis baju

tradisional membawa maksud kepada kepelbagaian kaum yang mampu bersatu dalam satu negara manakala, aneka jenis corak dan warna pada pakaian tradisi pula melambangkan keunikan, keindahan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, program julung kali diadakan UMS itu berjaya mencapai matlamat mempertahankan pakaian tradisi khususnya pakaian etnik-etnik di Sabah.

Katanya, ia juga dilihat mampu menimbulkan kesedaran umum tentang pentingnya menghargai budaya dan seni tempatan.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi menjayakan program tersebut semua peserta terlibat telah mengadakan latihan insentif termasuk latihan kecerdasan fizikal dan mental.

Katanya, para pelajar turut di-dedahkan pelbagai pengetahuan mengenai budaya dan tradisi masyarakat pelbagai kaum bagi memudahkan mereka menghayati kepentingan budaya dan tradisi setiap kaum.